

Tinjauan dedah paras setia warga terhadap Singapura

Berita Harian, 2 Ogos 2010

Kesetiaan dan kebanggaan terhadap negara kelihatan 'lebih lemah' di kalangan warga Singapura dalam golongan sosio-ekonomi lebih tinggi, golongan lebih muda dan mereka yang berasa tersisih daripada politik.

Demikian dapatan satu kajian terbaru Institut Pengajian Dasar (IPS) yang didedahkan semalam.

Namun, pada keseluruhannya, sembilan daripada 10 responden berpendapat Singapura lebih baik daripada negara lain, dan sekitar 83 peratus lebih memilih menjadi warga Singapura daripada negara lain.

Menurut kajian itu, ekonomi dan penduduk Singapura lebih terdedah kepada trend global dan pergerakan warga berbanding masa lalu. Namun, pemerintah telah mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan kesan trend itu terhadap rasa cinta pada negara.

Langkah-langkah itu termasuk program seperti Pendidikan Nasional dan Program Mendekati Masyarakat dan acara seperti sambutan Hari Kebangsaan dan amanat Rapat Hari Kebangsaan.

Kajian oleh Profesor Madya Tan Ern Ser dan Dr Gillian Koh daripada IPS itu dijalankan dari 28 Februari hingga 11 Mei tahun lalu, melibatkan 2,016 warga berusia 21 hingga 64 tahun.

Ia menunjukkan juga terdapat lebih banyak permintaan di kalangan warga bagi pelibatan dalam politik sejak 10 tahun lalu, dan mereka mahu lebih banyak peranan dalam cara negara ditadbir.

Lapan daripada 10 responden bersetuju atau amat bersetuju mengundi memberi rakyat cara paling bererti memberitahu pemerintah cara negara harus ditadbir.

Sekitar 97 peratus ingin pemerintah meluangkan masa mendengar pandangan rakyat, biarpun sesebuah dasar itu memerlukan keputusan segera. Seorang daripada setiap dua yang ditinjau berkata mereka akan menyertai majlis bandaran, majlis pembangunan Masyarakat dan badan akar umbi berkaitan Persatuan Rakyat (PA).